

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PERDANA MENTERI, DI MAJLIS MAKAN
MALAM DI SAUJANA, JOHOR BAHARU,
PADA 16HB APRIL, 1976, JAM
9.00 MALAM

Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar dan
Puan Sri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah-rahmatNya dapat kita bersama-sama menghadiri majlis Jamuan yang meriah pada malam ini. Saya ucapkan ^{terima kasih} ~~tahniah~~ kepada ahli Jawatankuasa penganjur, khasnya Tan Sri Dato' Haji Othman Saat atas penghormatan meraikan saya dan Datin di majlis yang mulia ini.

2. Saya juga suka mengambil kesempatan ini mengucapkan terimakasih dan penghargaan *kepada*

seluruh rakyat negeri Johor, dari pemimpin *pegawai dan kakitangan kerajaan,* kaum, ahli-ahli parti dan khasnya kanak-kanak sekolah yang sedang bercuti sekarang ini, kerana telah keluar beramai-ramai dari kampung-kampung yang jauh mengalu-alukan lawatan resmi saya ke Negeri Johor ini.

3. Balik ke Johor, kepada saya, samalah seperti pulang ke rumah sendiri. Bagaimanapun, sesungguhnya saya merasa amat terharu dengan sambutan meriah dan penghormatan yang telah ditunjukkan oleh segenap lapisan rakyat sepanjang perjalanan saya dari Kesang di Muar, melalui Batu Pahat dan Pontian, hinggalah ke Johor Baharu.

3A. Sesungguhnya sambutan meriah dan penghormatan rakyat jelata telah memberi kesedaran yang lebih lagi kepada saya terhadap tanggungjawab saya untok berkhidmat dengan lebih bersungguh-sungguh lagi, demi kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

3B. Sebagai seorang manusia biasa yang telah diletakan oleh rakyat di kemuncak pucuk pimpinan, penganugerahan Darjah Kerabat Di-Raja yang Amat Di-Hormati oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan kepada saya pagi ini, bukan sahaja merupakan satu penghormatan kepada diri saya, tetapi yang lebih besar ialah penghormatan terhadap kepercayaan dan keyakinan rakyat yang telah diamanahkan kepada saya itu. Saya amat bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataalla terhadap pengurniaan tinggi itu, serta kepercayaan rakyat.

~~Saya dukacita tidak dapat bertemu dengan rakyat di daerah lain. Insya Allah, di masa akan datang, saya harap akan pergi ke daerah-daerah yang belum saya lawati.~~

4. Pada malam ini, rakyat dari berbagai kaum dan keturunan, yang terdiri dari ahli parti-parti yang mendukung Barisan Nasional, pegawai serta kakitangan Kerajaan dan rakyat biasa, yang telah datang dari semua daerah Negeri Johor, berkumpul begitu ramai memeriahkan majlis pada malam ini. Inilah satu penghormatan yang akan tetap kekal dalam ingatan saya. Inilah satu bukti perpaduan dan semangat persaudaraan yang mesti kita pelihara.

5. Perjumpaan malam ini, jelas membuktikan semangat perpaduan dan persefahaman antara ahli-ahli Parti Politik yang memerintah dan pegawai serta kakitangan Kerajaan yang telah wujud selama ini, dan menjadikan Negeri Johor sebagai negeri yang maju dan ^{diantara yang} terkemuka di Malaysia. Johor adalah ^{juga} diantara negeri yang dapat menjalin erat hubungan ini.

6. Sempena dengan majlis yang permai ini, marilah kita beramai-ramai membaharui tekad dan azam kita, untuk terus mengekalkan perpaduan, persefahaman dan keharmonian kita, sepertimana yang telah terjalin dalam perjumpaan kita malam ini, serta membuktikan

kepada musuh-musuh negara dan anasir yang cuba hendak memecah-belahkan rakyat, bahawa sekalipun kita berasal dari berbagai keturunan, ugama dan kebudayaan, kita boleh hidup bersatu-padu dan persefahaman dalam aman dan bahagia. Ini adalah asas yang penting bagi kita mencapai kemajuan dan kemakmuran.

Inilah juga asas keselamatan kita untuk menghadapi ancaman dan cabaran.

7. Semangat perpaduan yang telah ditunjukkan oleh rakyat negeri Johor sesungguhnya merupakan satu inspirasi dan kemegahan kepada saya untuk lebih berusaha, supaya semangat yang telah banyak diuji ini, dapat hidup subur serta disebarakan

ke seluruh negara. Demikian juga supaya hasrat kita mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang progresif, dinamis, bersatu padu dan berdisiplin, akan dapat dicapai dalam masa yang lebih singkat lagi.

Saudara-saudara sekalian.

8. Adalah menjadi ^{hasrat} ~~impian~~ saya melihat rakyat jelata di negara ini terus kekal bersatupadu hingga beberapa keturunan yang akan datang supaya segala apa yang telah kita rancang dan laksanakan sekarang, bagi kepentingan dan faedah rakyat seluruhnya, akan terus dinikmati oleh anak cucu kita akan datang kelak.

9. Tugas kita pada masa ini ialah memastikan, bahawa tiap-tiap usaha yang telah diatur dan disusun itu akan menghasilkan faedah yang terus diwarisi oleh keturunan-keturunan kita kelak. Itulah sebabnya saya selalu menegaskan bahawa faktor penting bagi menjamin kemakmuran dan keamanan yang berterusan ialah perpaduan. Tanpa perpaduan negara tidak boleh mencapai sebarang kejayaan dan kemajuan.

10. Perpaduan yang saya maksudkan di sini ^{sahaja} bukan perpaduan antara kaum Melayu, China, India dan lain-lainnya, tetapi harus diwujudkan perpaduan di semua aspek dan lapangan. Untuk mencapai kejayaan dan matlamat perjuangan,

kita perlukan perpaduan usaha dan tenaga, perpaduan hasrat dan keazaman, perpaduan ~~tindakan~~ tindak dan gerakan, dan lain-lain perpaduan yang boleh difikirkan. Tetapi perpaduan tulen yang penting sekali, yang harus kita buktikan ialah, dalam mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi oleh negara. Yang demikian, falsafah Rancangan Pembangunan kita diasaskan pada perpaduan dan ketahanan. *(unity)* *(resilience)*

11. Pada hemat saya, dalam keadaan keselamatan yang kita dapati sekarang ini, kita sedang menghadapi dua cabaran besar. *perjuangan menentang*
Pertama, ialah ancaman komunis, samada secara langsung atau menerusi kegiatan subversif atau anasir anti-nasional. Yang kedua ialah

membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat, tanpa mengira kaum atau keturunan, serta menyusun semula masyarakat dengan tujuan melahirkan satu masyarakat Malaysia yang tulen, progresif, dinamis, bersatupadu dan berdisiplin.

Saudara-saudara sekalian.

Pada ^{lepas,} awal bulan ~~ini~~, saya telah melakukan lawatan ke Negeri Perak untuk mengkaji sendiri keadaan keselamatan di kawasan utara. Saya dapati keadaan keselamatan di sana memanglah serious tetapi terkawal. Saya telahpun mengarahkan supaya langkah yang lebih berkesan diambil bagi mencegah penyeludupan serta menyekat kegiatan-kegiatan

ber-le-luasa.

ganas itu dari berleluasa.

12. Mengikuti kejadian yang berlaku di Perak, Kedah, Kelantan dan juga Pahang, ejen-ejen pengganas komunis cuba menghidupkan semula hubungan lama mereka di kawasan dan tempat perlindungan yang terdapat di masa ^{lingga} darurat dahulu, iaitu dalam tahun 1948 ~~1960~~.

Mereka cuba merintis jalan hubungan lama mereka, dengan menggunakan golongan orang yang tidak puas hati dengan Kerajaan, serta golongan chauvinis.

13. Sungguhpun di Johor ini belum ada lagi tanda-tanda sah yang ejen-ejen lama itu mulai bergerak, tetapi kita harus berwaspada setiap masa, mengawasi kegiatan jahat yang

dilakukan oleh anasir subversif dan anti-nasional ^{itu.} ~~Kadang kala~~ Kegiatan anasir ini adalah sebenarnya ~~tipu helah dan~~ muslihat pengganas komunis bagi mencapai matlamat perjuangan mereka. Sudah ada berlaku di negara-negara ^{rantau} ~~wilayah~~ ini, di mana komunis ~~mempakulatkan~~ menggunakan semangat kebangkitan nasionalism untuk membantu mereka menjatuhkan Kerajaan. ^{dengan tujuan} ~~Sekarang~~ mereka telah mengubah seluruh sistem pemerintahan kepada cara komunis.

14. Itulah sebabnya saya telah menegaskan bahawa masalah menentang ancaman pengganas komunis bukanlah tanggungjawab Kerajaan atau pasukan keselamatan semata-mata. Rakyat yang cintakan keamanan dan penduduk

lain yang bermastautin di Malaysia yang menerima faedah dan merasai nikmat kesenangan dari negara ini patutlah memainkan peranan mereka yang lebih berkesan lagi. Janganlah menunggu sehingga sudah kena baru sedar.

Saudara-saudara sekalian.

15. Kekuatan sesebuah negara tidaklah hanya bergantung kepada kekuatan tentera dan polis sahaja, bahkan lebih bergantung kepada kekuatan semangat dan jiwa rakyat.

Inilah yang kita maksudkan dengan meningkatkan *self-reliance and national resilience.* ketahanan diri dan nasional. Seluruh rakyat serta penduduk Malaysia harus sanggup berkorban, bukan sahaja tenaga, bahkan jiwa raga mereka untuk mempertahankan

kemerdekaan dan kedaulatan negara.

16. Kita haruslah ingat bahawa jika keamanan dan keselamatan negara terancam, segala usaha dan tenaga kita memesatkan kemajuan dan meninggikan taraf ekonomi rakyat, tidak akan mendatangkan apa-apa faedah dan makna. Kita tidak dapat menikmati kekayaan ^{dan} kemakmuran jika keselamatan negara kita sentiasa terancam. Saya tegaskan pentingnya penyertaan rakyat membantu Kerajaan menjamin keamanan dan ketenteraman yang berkekelan, supaya segala usaha kita untuk melaksanakan rancangan pembangunan dapat terus dijalankan, supaya semua punca kewangan

faedah kita bersama.

dapat disalurkan untuk melaksanakan projek dan rancangan pembangunan yang boleh mendatangkan keuntungan dan faedah kepada rakyat jelata.

17. Syukurlah rakyat negeri Johor ini mempunyai keistimewaan ~~yang lebih sedikit dari rakyat negeri yang lain~~, kerana kemampuan Kerajaan Negeri melaksanakan rancangan dan projek pembangunannya dengan ~~tidak semata mata~~ ^{ampurna.} ~~mengharapkan bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat.~~ Dengan usaha dan kebijaksanaan ^{Parti dan} ~~Kerajaan~~ ^{seita} ~~dan~~ pentadbiran, Negeri ini mempunyai masa depan yang amat cemerlang. Pelihara dan kekalkanlah keadaan itu, untuk faedah kita bersama.

Saudara² sekalian.

Bagi membasnikan kemiskinan dikalangan rakyat,
 18. *1* Di-samping projek-projek yang terdapat di daerah-daerah, Kerajaan telah juga melaksanakan dua rancangan raksaksa di Negeri Johor, yang bertujuan ^{*memperbaiki*} ~~meninggikan~~ lagi kedudukan sosio-ekonomi petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar. Rancangan raksaksa ini ialah Rancangan Pembangunan Johor Tenggara dan Rancangan Pembangunan Pertanian Johor Barat.

19. Kerajaan Pusat telah membuat peruntukan besar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memajukan Rancangan Johor Tenggara, yang meliputi kawasan seluas 750,000 ekar, di mana lebihkurang 244,000 ekar di^oapati sesuai untuk pertanian.

20. Dua buah bandar baru telahpun dirancang dan pelaksanaannya akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bandar-bandar itu ialah bandar Tenggara dan bandar Penawar.

21. Setakat ini, 14 projek sendirian dan usahasama telahpun dimajukan di kawasan ini termasuklah Rancangan kelapa sawit, getah, buah-buahan dan ternakan ayam dan lembu.

Saudara-saudara sekalian,

22. Saya percaya Rancangan Johor Tenggara akan dapat membawa kemudahan dan kemakmuran kepada penduduk kawasan ini, yang dijangkakan bertambah seramai 500,000 orang menjelang tahun 1990. Mengikut kajian, Rancangan Raksaksa ini boleh mewujudkan lebihkurang 63,000 peluang pekerjaan.

23. Projek Pembangunan Pertanian Johor

Barat pula, yang meliputi kawasan pantai dari Parit Jawa, Muar, hinggalah ke Kukup, Pontian, iaitu suatu kawasan ~~luas~~ ^{seluas} lebihkurang 875,000 ekar, akan mengubah corak pertanian di kawasan tersebut dari penanaman getah kepada kelapa sawit. ^{Pada masa ini,} lebihkurang 58 peratus daripada kawasan itu telahpun digunakan untuk pertanian, dan getah merupakan tanaman yang terbesar sekali.

24. Projek yang dirancangkan ~~ini~~ ⁱⁿⁱ merupakan projek pertanian yang terbesar pernah di selenggarakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia. Selain daripada koko dan kopi, lain-lain tanaman selingan akan diusahakan di kawasan tanah yang sesuai. ~~untuk tanaman kelapa.~~

25. Selain ^{daripada} ~~dari~~ kedua-dua Rancangan besar ini, Projek Pelabuhan Johor di Pasir Gudang sedang juga ^{giat} ~~pesat~~ dijalankan, yang akan ^{menggerakkan} ~~bongorak~~ dengan lebih pesat lagi pertumbuhan

Saudara-saudara sekalian,

27. Saya sukalah melihat negeri Johor ini terus maju yang boleh menjadi keharmonian dan kebahagiaan kita bersama di masa akan datang.

...19/-

ekonomi Negeri Johor, terutama projek-projek perindustrian dan perusahaan, yang terdapat di tiap-tiap bandar seperti di Batu Pahat dan Muar.

26. Bandar Segamat, ~~dan Endau~~, serta Mersing, akan mendapat faedah dari pembinaan jalanraya

Segamat/Kuantan yang sekarang ini sedang

mendapat faedah ~~dibina~~ *Sementara bandar Mersing dan Endau akan* ~~dan~~ *dari pembinaan* Jambatan Endau/Rompin yang

menghubungi Johor dan Pahang, yang sekarang ini hampir siap.

Saudara-saudara sekalian.

27. Saya sukalah melihat Negeri Johor ini terus maju ^{mesaja} ~~yang~~ boleh menjadi kemegahan dan kebanggaan kita bersama di masa akan datang. ~~Pemimpin Kerajaan dan parti bukanlah~~

~~semata-mata dari atas, malah ia datang dari bawah. Saudara-saudara berhak memberikan panduan, secara membina dan berkesan. Berilah sumbangan dan pengorbanan.~~

28. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis makan malam ini dan saya doakan kepada sekelian hadirin selamat maju-jaya.

Terimakasih.



BERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



15/78
JUL 1978



No. Siri	180
No. Penerimaan	2/78